

TABLA DAN CARA MEMAINKANNYA DALAM MUZIK  
INDIA DI MALAYSIA.

RAHMAN BIN HARUN.

DIPLOMA SENI MUZIK.  
KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
SHAH ALAM  
1991.

PENGHARGAAN.

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan berkat dan keizinan NYA segala usah menyelenggarakan tesis ini dapat disempurnakan. Penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih serta setinggi - tinggi penghargaan kepada pihak - pihak yang berkenaan menyumbang bersama segala pengetahuan serta sokongan sehingga terlaksananya tesis ini.

Kepada kedua ibubapa yang telah banyak memberi sokongan serta asuhan sejak dari kecil hingga berjaya ke peringkat Pengajian ini. Terima kasih diucapkan kepada Ketua Jabatan Muzik puan Ramona Tahir selaku penasihat, Encik Suresh dan Encik Prakash yang banyak membantu memberi arahan serta bimbingan yang amat berfaedah.

Tidak ketinggalan juga penulis ingin memberi ribuan terima kasih kepada pihak yang memberi sumbangan secara langsung atau sebaliknya dalam melaksanakan penyelidikan ini. Antaranya Kompleks Budaya Negara, Universiti Malaya, Arkib Negara, Perpustakaan Negara serta Perbandaran Kesenian Malaysia (Fine Art ).

Sejambak budi juga kepada semua Pensyarah Kajian Seni Lukis dan Seni Reka khasnya dari Jabatan Muzik yang telah bersama -sama menjayakan penyelidikan ini.

Sekian, ribuan terima kasih.

## Sinopsi

### Pengenalan.

Tabla adalah sejenis alat muzik yang berasal dari utara India. Alat ini lazimnya dimainkan sebagai peningkah untuk mengimbangi muzik agar lebih rancak dan enak didengar. Ini secara tidak langsung menunjukkan pengaruh India keatas kebudayaan Melayu telah mula bertapak di Kepulauan Melayu sejak abad ke tiga lagi. Masa yang begitu lama telah menyebabkan pengaruh muzik India sukar untuk dilupakan khususnya di dalam perkembangan muzik di Malaysia. Malah sebahagian daripada pengaruh muzik India ini telah diterima sebagai ciri-ciri muzik tradisional Melayu. Oleh itu dengan adanya penyelidikan ini, generasi - generasi di masa hadapan Insyallah dapat membezakan muzik tradisional Melayu ataupun muzik yang telah di pengaruhi asing. Penyelidikan ini akan membentangkan satu bentuk muzik tradisional Melayu yang telah menerima pengaruh Hindu dari segi alat muzik , nada, irama, dan rentak.

Disamping itu hanya segelintar sahaja masyarakat yang mengetahui teknik - teknik paluan tabla di Malaysia kerana pada sangkaan mereka alat ini hanya untuk istiadat keagamaan bagi kaum India ataupun hanya untuk golongan veteran mendendangkannya untuk seni warisan bangsa. Dengan adanya kajian ini Insyallah akan menarik minat generasi baru mempelajari alat ini untuk ketengahkannya ke dalam industri muzik moden agar tetap di - kenali seperti alat- alat muzik yang lain;

### Tujuan Kajian

Objektif utama saya memilih tajuk ini ialah kerana tabla adalah sejenis alat muzik India yang semakin popular di kalangan masyarakat di Malaysia serta telah mula ditonjolkan di dalam perkembangan muzik di Malaysia , contohnya dalam konteks 'Balada Nusantara '. Didalam kajian ini saya akan mengkaji mengenai tabla serta teknik - teknik paluannya. Dengan adanya kajian ini sedikit sebanyak berjaya meninggikan pengetahuan masyarakat di Malaysia mengenai alat - alat muzik seperti tabla.

Disamping itu penyelidikan ini juga akan mengupas dari aspek sejarah asal - usul serta keujudan tabla di Malaysia. Proses penerimaan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum terhadapnya. Secara tidak langsung juga berjaya menambah quantiti penyelidik mengenai proses pembuatan dan penjelasan yang mendalam mengenai teknik = teknik paluan tabla dan ritma - ritma yang dimainkan.Dengan cara ini Insyallah akan menarik minat dan mendapat perhatian yang lebih terhadap pencipta - pencipta tanahair supaya mengetengahkan alat ini ke dalam perkembangan muzik moden agar ianya tidak luput ditelan zaman.

**KANDUGAN**

	HALAMAN
PENGHARGAAN	i
SINOPSIS	iii
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI GAMBAR	viii

**BAB I****PENGENALAN**

Permasalahan	1
Objektif Kajian	2
Skop Kajian	3
Kaedah Kajian	4
Lokasi Kajian	4

**BAB II****SEJARAH DAN LATARBEKANG TABLA**

Latarbelakang muzik India	5
Ciri-ciri luaran Tabla	9